

PNB bantu persiapan persekolahan anak kakitangan

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyerahkan sumbangan wang tunai berjumlah RM215,500 kepada 862 orang anak kakitangan syarikat itu sebagai persiapan untuk memasuki sesi persekolahan baharu pada tahun depan.

Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, program yang julung kali diadakan itu bertujuan meringankan beban ibu bapa membuat persia-

pan kelengkapan sekolah anak masing-masing.

"Di samping itu, program ini bertujuan memberi motivasi kepada pelajar-pelajar untuk kembali ke sekolah.

"Semoga sumbangan ini dimanfaatkan sebaik-baiknya, sekali gus menyuntik semangat agar anak-anak ceria menantikan hari pertama sesi persekolahan tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis penyampaian ban-

tuan kepada kakitangan bukan eksekutif Kumpulan PNB, Kembali Ke Sekolah 2018 di sini, hari ini.

Setiap kakitangan terbabit menerima sumbangan wang tunai RM250 bagi pembelian peralatan persekolahan seperti beg dan buku nota yang disampaikan sendiri oleh Abdul Wahid.

Yang turut hadir ialah Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad.



ABDUL WAHID OMAR dan Abdul Rahman Ahmad bersama anak-anak kakitangan PNB yang menerima sumbangan dalam majlis Kembali Ke Sekolah 2018 di Kuala Lumpur, semalam.